

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN  
BERUNSURKAN BUDAYA DALAM BUKU  
BERGAMBAR PUISI KANAK-KANAK *BIJAK SI  
KATAK BIJAK* KE DALAM BAHASA JEPUN**

**MAZLAN BIN AHMAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2022**

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN  
BERUNSURKAN BUDAYA DALAM BUKU  
BERGAMBAR PUISI KANAK-KANAK *BIJAK SI  
KATAK BIJAK* KE DALAM BAHASA JEPUN**

**oleh**

**MAZLAN BIN AHMAD**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Mei 2022**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya, dapat menyempurnakan penulisan tesis ini. Dengan keterbatasan ilmu yang ada, tesis ini tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa bantuan dan pertolongan daripada-Nya.

Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pensyarah penyelia Dr Wan Rose Eliza Abdul Rahman dan Dr Anis Shahirah Abdul Sukur yang banyak bersabar, banyak membantu dan membimbing dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah di Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi (BATI), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang turut membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perjalanan menyiapkan tesis ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Cik Furusho Asami dan Cik Kondo Makiko atas kesudian menjadi penilai kepada kajian ini. Di samping itu, terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberikan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan menaja sebahagian daripada perjalanan ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat bonda yang dikasihi, iaitu Siti Rokiah binti Ismail yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini.

Semoga jasa baik kalian dibalas dan diberkati oleh Allah SWT.

“*Jazakumullahu khayran*”.

～どうもありがとうございました～

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>xv</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>xvi</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xviii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar belakang kajian .....	1
1.3 Penyataan masalah .....	3
1.4 Objektif kajian.....	7
1.5 Persoalan kajian.....	8
1.6 Kerangka teori.....	9
1.7 Metodologi kajian .....	9
1.8 Batasan kajian .....	10
1.9 Kepentingan kajian.....	11
1.10 Definisi konsep.....	13
1.10.1 Penterjemahan .....	13
1.10.2 Perkataan berunsurkan budaya.....	13
1.10.3 Prosedur penterjemahan .....	14
1.10.4 Buku Bergambar .....	14
1.10.5 Puisi.....	14
1.10.6 Kanak-kanak .....	15

1.10.7	Verbal.....	15
1.10.8	Visual .....	16
1.10.9	Bahasa asing.....	16
1.11	Organisasi kajian .....	16
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KEPUSTAKAAN.....</b>	<b>18</b>
2.1	Pendahuluan .....	18
2.2	Perkataan berunsurkan budaya.....	18
2.2.1	Definisi perkataan berunsurkan budaya .....	18
2.2.2	Pengklasifikasian perkataan berunsurkan budaya.....	24
2.2.3	Prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya .....	29
2.3	Penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam pelbagai medium teks	37
2.4	Penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam karya sastera.....	44
2.5	Penterjemahan puisi .....	50
2.6	Hubungan verbal dengan visual dalam terjemahan.....	54
2.7	Kajian penterjemahan pasangan bahasa Jepun dan bahasa Melayu.....	61
2.8	Rumusan.....	65
<b>BAB 3</b>	<b>KERANGKA TEORI DAN METODOLOGI.....</b>	<b>67</b>
3.1	Pendahuluan .....	67
3.2	Kerangka teori.....	67
3.2.1	Perkataan berunsurkan budaya.....	67
3.2.2	Klasifikasi perkataan berunsurkan budaya.....	69
3.2.3	Klasifikasi Pavlović-Poslek (2003).....	70
3.2.3(a)	Ekologi.....	70
3.2.3(b)	Kehidupan seharian .....	71
3.2.3(c)	Budaya material .....	71
3.2.3(d)	Sejarah .....	71
3.2.3(e)	Elemen keagamaan .....	72

3.2.3(f)	Ekonomi.....	72
3.2.3(g)	Institusi, peranan politik dan pentadbiran.....	72
3.2.3(h)	Angkatan ketenteraan .....	73
3.2.3(i)	Pendidikan .....	73
3.2.3(j)	Panggilan .....	73
3.2.3(k)	Gerak tubuh dan tabiat.....	73
3.2.3(l)	Kerja .....	74
3.2.3(m)	Hiburan dan kegiatan masa lapang.....	74
3.2.3(n)	Televisyen.....	74
3.2.4	Pengubahsuaian klasifikasi perkataan berunsurkan budaya. ....	75
3.2.5	Prosedur penterjemahan perkataan berunsurkan budaya .....	77
3.2.6	Prosedur terjemahan Angela Turzynski-Azimi (2020).....	78
3.2.6(a)	Peminjaman leksikal .....	79
3.2.6(b)	Peminjaman bukan leksikal .....	79
3.2.6(c)	Terjemahan literal .....	80
3.2.6(d)	Penggantian.....	80
3.2.6(e)	Penerangan.....	81
3.2.6(f)	Pengguguran .....	81
3.2.7	Bentuk hubungan elemen verbal (teks) dengan elemen bukan verbal (visual) dalam buku bergambar.....	82
3.3	Kaedah kajian .....	84
3.4	Sumber data.....	85
3.4.1	Teks sumber .....	85
3.4.2	Teks terjemahan .....	86
3.5	Jenis data .....	87
3.6	Pengumpulan data .....	90
3.7	Analisis data .....	90
3.8	Rumusan.....	92

**BAB 4 JENIS DAN KLASIFIKASI PERKATAAN BERUNSURKAN BUDAYA..... 93**

4.1	Pendahuluan .....	93
4.2	Penyenaraian dan pengklasifikasian perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar <i>Bijak Si Katak Bijak</i> .....	93
4.2.1	Alam semulajadi.....	94
4.2.2	Panggilan.....	95
4.2.3	Elemen keagamaan.....	96
4.2.4	Riadah .....	96
4.2.5	Cara hidup .....	97
4.2.5(a)	Alatan, perkakasan rumah dan senjata.....	98
4.2.5(b)	Makanan, minuman dan bahan masakan .....	99
4.2.5(c)	Pakaian dan aksesori.....	100
4.2.6	Sejarah .....	100
4.2.6(a)	Cerita rakyat, mitos, lagenda dan nama tempat .....	102
4.2.6(b)	Tulisan, kata-kata, ungkapan, perumpamaan dan susastera.....	103
4.2.6(c)	Adat dan tradisi.....	104
4.3	Rumusan.....	104

**BAB 5 PROSEDUR TERJEMAHAN PERKATAAN BERUNSURKAN BUDAYA..... 106**

5.1	Pendahuluan .....	106
5.2	Prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar <i>Bijak Si Katak Bijak</i> ke bahasa Jepun .....	106
5.2.1	Prosedur peminjaman bukan leksikal .....	107
5.2.2	Prosedur peminjaman leksikal .....	117
5.2.3	Prosedur terjemahan literal .....	123
5.2.4	Prosedur penerangan .....	145
5.2.5	Prosedur penggantian .....	155

5.2.6	Prosedur pengguguran.....	165
5.2.7	Prosedur gabungan .....	169
5.2.7(a)	Prosedur peminjaman leksikal + peminjaman bukan leksikal .....	170
5.2.7(b)	Prosedur peminjaman leksikal + pengguguran.....	173
5.2.7(c)	Prosedur pengguguran + peminjaman bukan leksikal.....	175
5.2.7(d)	Prosedur pengguguran + peminjaman leksikal.....	178
5.2.7(e)	Prosedur pengguguran + penggantian .....	179
5.2.7(f)	Prosedur pengguguran + penggantian + penerangan...	181
5.2.7(g)	Prosedur penggantian + peminjaman leksikal .....	183
5.2.7(h)	Prosedur penggantian + peminjaman bukan leksikal ..	185
5.2.7(i)	Prosedur terjemahan literal + peminjaman bukan leksikal.....	187
5.2.7(j)	Prosedur terjemahan literal + penerangan .....	189
5.2.7(k)	Prosedur terjemahan literal + pengguguran .....	192
5.2.7(l)	Prosedur terjemahan literal + pengguguran + penerangan.....	194
5.2.7(m)	Prosedur terjemahan literal + penggantian + penerangan.....	196
5.3	Rumusan.....	198
<b>BAB 6 HUBUNGAN ELEMEN VERBAL DENGAN VISUAL.....</b>		<b>199</b>
6.1	Pendahuluan .....	199
6.2	Hubungan elemen verbal teks dengan visual .....	199
6.3	Kesesuaian ( <i>congruency</i> ) .....	200
6.4	Penyimpangan ( <i>deviation</i> ).....	210
6.5	Rumusan.....	218
<b>BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN.....</b>		<b>220</b>
7.1	Pendahuluan .....	220

7.2	Rumusan dapatan kajian.....	220
7.2.1	Jenis dan klasifikasi perkataan berunsurkan budaya dalam teks ‘ <i>Bijak Si Katak Bijak</i> ’ dan terjemahannya dalam bahasa Jepun ‘賢いカエルくん’ ( <i>Kashikoi Kaeru Kun</i> ). .....	220
7.2.2	Prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam teks ‘ <i>Bijak Si Katak Bijak</i> ’ dan terjemahannya dalam bahasa Jepun ‘賢いカエルくん’ ( <i>kashikoi kaeru</i> ).....	223
7.2.3	Hubungan elemen verbal dengan visual dalam teks ‘ <i>Bijak Si Katak Bijak</i> ’ dan terjemahannya dalam bahasa Jepun ‘賢いカエルくん’ ( <i>kashikoi kaeru kun</i> ).....	226
7.3	Penilaian kerangka teori .....	228
7.4	Kepentingan dan implikasi dapatan kajian.....	231
7.5	Cadangan kajian lanjutan .....	232
7.6	Rumusan.....	234
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>		<b>235</b>

## LAMPIRAN

## GLOSARI

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>	
Jadual 2.1	Perbandingan antara klasifikasi perkataan berunsurkan budaya oleh Newmark (1988), Triveni (2002), Pavlović-Poslek (2003), Pusztai-Varga (2016) dan Haslina Haroon (2019).....	29
Jadual 2.2	Perbandingan antara prosedur terjemahan Axiela (1996) dengan prosedur terjemahan Davies (2003) .....	32
Jadual 2.3	Perbandingan antara prosedur terjemahan Davies (2003) dengan prosedur terjemahan Dukmak (2012).....	33
Jadual 2.4	Senarai prosedur terjemahan oleh Hasegawa (2012) .....	34
Jadual 2.5	Tinjauan kajian terjemahan bagi pasangan bahasa BM <>BJ .....	65
Jadual 3.1	Ringkasan keterangan klasifikasi perkataan berunsurkan budaya (diubah suai daripada Pavlović-Poslek, (2003) untuk kajian terjemahan <i>Bijak Si Katak Bijak</i> ) .....	77
Jadual 3.2	Konsep hubungan elemen visual dengan verbal dalam penterjemahan buku bergambar oleh Oittinen (2008) .....	83
Jadual 4.1	Klasifikasi perkataan berunsurkan budaya yang terdapat dalam buku bergambar puisi kanak-kanak <i>Bijak Si Katak Bijak</i> .....	94
Jadual 4.2	Bilangan PBB mengikut subklasifikasi dalam klasifikasi cara hidup.....	97
Jadual 4.3	Bilangan PBB mengikut subklasifikasi dalam klasifikasi sejarah ...	101
Jadual 5.1	Prosedur peminjaman bukan leksikal .....	107
Jadual 5.2	Prosedur peminjaman leksikal .....	117
Jadual 5.3	Prosedur terjemahan literal .....	123
Jadual 5.4	Prosedur penerangan dengan cara menambah maklumat dalam bentuk kurungan.....	146

Jadual 5.5	Prosedur penerangan dengan cara menambah maklumat dalam bentuk perkataan dalam ayat.....	152
Jadual 5.6	Prosedur penggantian .....	155
Jadual 5.7	Prosedur pengguguran.....	165
Jadual 5.8	Gabungan prosedur peminjaman leksikal dengan prosedur peminjaman bukan leksikal.....	170
Jadual 5.9	Gabungan prosedur peminjaman leksikal dengan prosedur pengguguran.....	174
Jadual 5.10	Gabungan prosedur pengguguran dengan prosedur peminjaman bukan leksikal .....	175
Jadual 5.11	Gabungan prosedur pengguguran dengan prosedur peminjaman leksikal.....	178
Jadual 5.12	Gabungan prosedur pengguguran dengan prosedur penggantian ....	179
Jadual 5.13	Gabungan prosedur pengguguran, prosedur penggantian dan prosedur penerangan .....	181
Jadual 5.14	Gabungan prosedur penggantian dengan prosedur peminjaman leksikal.....	183
Jadual 5.15	Gabungan prosedur penggantian dengan prosedur peminjaman bukan leksikal .....	185
Jadual 5.16	Gabungan prosedur terjemahan literal dengan prosedur peminjaman bukan leksikal.....	187
Jadual 5.17	Gabungan prosedur terjemahan literal dengan prosedur penerangan.....	190
Jadual 5.18	Gabungan prosedur terjemahan literal dengan prosedur pengguguran.....	192
Jadual 5.19	Gabungan prosedur terjemahan literal, prosedur pengguguran dan penerangan.....	194
Jadual 5.20	Gabungan prosedur terjemahan literal, prosedur penggantian dan prosedur penerangan .....	196

Jadual 6.1	Hubungan elemen verbal dengan visual mengikut bilangan kekerapan perkataan berunsurkan budaya dalam buku puisi bergambar <i>Bijak Si Katak Bijak</i> .....	200
------------	--	-----

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Ringkasan kepentingan kajian ..... 12
Rajah 3.1	Kerangka konsep kajian ..... 68
Rajah 3.2	Kriteria perkataan berunsurkan budaya (dibentuk berdasarkan definisi oleh Pavlović-Poslek (2003)) ..... 69
Rajah 3.3	Klasifikasi perkataan berunsurkan budaya (diubah suai daripada Pavlović-Poslek, (2003) untuk kajian terjemahan <i>Bijak Si Katak Bijak</i> ) ..... 76
Rajah 3.4	Prosedur terjemahan oleh Angela Turzynski-Azimi (2020) ..... 78
Rajah 3.5	Kecenderungan hubungan visual dengan verbal dalam penterjemahan buku bergambar (dibentuk oleh pengkaji berdasarkan keterangan oleh Oittinen (2008)) ..... 83
Rajah 3.6	Reka letak halaman teks sumber ..... 86
Rajah 3.7	Reka letak halaman teks terjemahan ..... 87
Rajah 3.8	Perlabelan data ..... 88
Rajah 3.9	Contoh penggunaan bentuk tulisan Hiragana, Katakana dan Kanji dalam penulisan ayat bahasa Jepun ..... 89
Rajah 4.1	Peratusan bilangan PBB mengikut subklasifikasi dalam klasifikasi cara hidup ..... 98
Rajah 4.2	Peratusan bilangan PBB mengikut subklasifikasi dalam klasifikasi sejarah ..... 101
Rajah 6.1	Kecenderungan hubungan elemen verbal teks dengan visual ..... 200
Rajah 6.2	Ilustrasi bergambar bagi contoh 1 (kesesuaian) ..... 201
Rajah 6.3	Ilustrasi bergambar bagi contoh 2 (kesesuaian) ..... 203
Rajah 6.4	Ilustrasi bergambar bagi contoh 3 (kesesuaian) ..... 205
Rajah 6.5	Ilustrasi bergambar bagi contoh 4 (kesesuaian) ..... 207

Rajah 6.6	Ilustrasi bergambar bagi contoh 5 (kesesuaian).....	209
Rajah 6.7	Ilustrasi bergambar bagi contoh 6 (penyimpangan).....	211
Rajah 6.8	Ilustrasi bergambar bagi contoh 7 (penyimpangan).....	212
Rajah 6.9	Ilustrasi bergambar bagi contoh 8 (penyimpangan).....	214
Rajah 6.10	Ilustrasi bergambar bagi contoh 9 (penyimpangan).....	215
Rajah 6.11	Ilustrasi bergambar bagi contoh 10 (penyimpangan).....	217

## SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Asing
BATI	Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi
BI	Bahasa Inggeris
BJ	Bahasa Jepun
BM	Bahasa Melayu
BSa	Bahasa Sasaran
BSKB	Bijak Si Katak Bijak
BSu	Bahasa Sumber
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Hlm.	Halaman
JFKL	Yayasan Jepun Kuala Lumpur ( <i>Japan Foundation Kuala Lumpur</i> )
KKK	Kashikoi Kaeru Kun
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBB	Perkataan Berunsurkan Budaya
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
TS	Teks Sumber
TT	Teks Terjemahan
USM	Universiti Sains Malaysia
VTS	Visual Teks Sumber
VTT	Visual Teks Terjemahan
WEBLIO	Kamus Dalam Talian Bahasa Jepun Weblio

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A	SENARAI PERKATAAN BERUNSURKAN BUDAYA
LAMPIRAN B	SURAT PENILAI ( <i>RATER</i> ) PENUTUR NATIF 1
LAMPIRAN C	SURAT PENILAI ( <i>RATER</i> ) PENUTUR NATIF 2

**PENTERJEMAHAN PERKATAAN BERUNSURKAN BUDAYA**  
**DALAM BUKU BERGAMBAR PUISI KANAK-KANAK *BIJAK SI KATAK***  
***BIJAK KE DALAM BAHASA JEPUN***

**ABSTRAK**

Perkataan berunsurkan budaya seringkali memberikan cabaran dan menguji kreativiti penterjemah dalam menyempurnakan tugasannya menyampaikan mesej teks sumber ke teks Sasaran. Cabaran ini ditambah lagi dengan kehadiran elemen visual yang perlu diambil perhatian oleh penterjemah dalam menterjemahkan perkataan berunsurkan budaya. Justeru itu, kajian ini bertujuan menyenaraikan dan mengklasifikasikan perkataan berunsurkan budaya, mengenal pasti cara penterjemah menterjemahkan perkataan berunsurkan budaya, dan meneliti hubungan elemen verbal dengan visual dalam mempengaruhi cara penterjemah mengendalikan penterjemahan perkataan berunsurkan budaya. Kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada perkataan berunsurkan budaya yang terkandung dalam teks buku bergambar kanak-kanak nukilan Siti Zainon Ismail, iaitu *Bijak Si Katak Bijak* yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Selain itu, pendekatan berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dimanfaatkan dalam menjalankan kajian ini. Sebanyak 179 (11%) perkataan berunsurkan budaya daripada 1671 perkataan dengan kekerapan sebanyak 282 telah dikenal pasti dan disenaraikan oleh pengkaji berdasarkan definisi dan klasifikasi oleh Pavlović-Poslek (2003). Dapatan kajian menunjukkan penterjemah memanfaatkan kesemua prosedur terjemahan yang dicadangkan oleh Angela Turzynski-Azimi (2020), dan menggabungkan beberapa prosedur bagi mendapatkan padanan yang bersesuaian dalam teks Sasaran. Seterusnya, bentuk hubungan elemen verbal dengan visual berdasarkan kepada kerangka Oittinen

(2008), menunjukkan hubungan elemen verbal dengan visual dalam teks buku bergambar ini cenderung kepada bentuk penyimpangan. Walau bagaimanapun, penterjemah didapati tidak memanfaatkan sepenuhnya bentuk hubungan elemen verbal dengan visual dalam menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya. Dapatkan kajian ini memberikan maklumat dan kefahaman berkenaan fungsi hubungan elemen verbal dengan visual dalam menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya, dan dapat membantu penterjemah memahami masalah yang perlu ditangani sekiranya berhadapan dengan teks yang mempunyai elemen visual, khususnya buku bergambar. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberikan input berguna kepada para penterjemah berkenaan cara mengendalikan penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam teks buku bergambar dan seterusnya dapat menghasilkan teks terjemahan buku bergambar yang berkualiti. Selain itu, pengkaji penterjemahan teks buku bergambar bahasa Melayu ke bahasa asing diharapkan dapat memanfaatkan dapatkan kajian ini untuk meneliti penterjemahan buku bergambar kanak-kanak melalui perspektif berbeza.

**TRANSLATION OF CULTURE-SPECIFIC WORDS IN CHILDREN'S  
POETRY PICTUREBOOK BIJAK SI KATAK BIJAK INTO JAPANESE**

**ABSTRACT**

Culture-specific words often challenge and test the creativity of translators in completing the task of conveying the message of the source text to the target text. This challenge is further compounded by the presence of visual elements that need to be considered by translators in translating culture-specific words. Therefore, this study aims to list and classify culture-specific words, identify the way translators translate culture-specific words, and examine the relationship between verbal and visual elements and how these elements influence the way translators handle the translation of culture-specific words. This study focuses only on the culture-specific words contained in the text of a children's picture book by Siti Zainon Ismail, namely *Bijak Si Katak Bijak* which has been translated into Japanese. In addition, the qualitative content analysis method is utilized in conducting this study. A total of 179 (11%) culture-specific words out of 1671 words with a frequency of 282 were identified and listed by the researcher based on the definition and classification by Pavlović-Poslek (2003). The findings of the study show that translators utilize all the translation procedures proposed by Angela Turzynski-Azimi (2020) and combine several procedures to obtain appropriate matches in the target text. In addition, the form of the verbal element relationship with the visual element based on Oittinen's (2008) framework shows the relationship of the verbal elements with the visuals in this picture book text tending to form deviations. However, it was found that the translators did not make full use of the form of relationship of verbal elements with visuals in dealing with the translation of culture-specific words. The findings of this study provide

information and understanding on the function of the relationship between verbal and visual elements in dealing with the translation of culture specific words. The findings are also useful as a basis for translators to understand the problem that needs to be addressed when dealing with texts and visual elements, especially picture books. Finally, this research should give important information to translators on how to handle the translation of culture-specific words in picture book text, allowing them to generate high-quality picture book translations. In addition, the findings of this study can benefit other researchers working on the translation of Malay picture books into other foreign languages by investigating the translation of such books through different viewpoints.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Bahagian ini juga akan menyenaraikan definisi konsep utama dalam kajian ini.

### **1.2 Latar belakang kajian**

Penterjemahan memainkan peranan yang amat penting pada abad ke-21 kerana bidang penterjemahan merupakan salah satu cabang ilmu yang penting bagi menyebarluaskan ilmu pengetahuan. Melalui penterjemahan, ilmu dapat disalurkan dengan mudah dan cepat daripada satu bahasa ke bahasa yang lain terutama kepada golongan yang tidak menguasai bahasa tersebut. Secara tidak langsung, penterjemahan juga menggalakkan pemahaman silang budaya antara satu bangsa dengan bangsa yang lain di dunia yang bahasa dan budayanya berbeza sama sekali.

Bidang penterjemahan memainkan peranan penting kepada negara dan hal ini diakui oleh mantan YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee bin Malek semasa melancarkan lima buah buku terbitan Malaysia yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun pada 6 November 2018. Beliau berkata, “KPM akan teruskan usaha untuk memastikan aktiviti penterjemahan bergiat lebih aktif termasuk terjemahan buku-buku dalam bahasa Melayu ke bahasa asing serta dari bahasa asing ke bahasa Melayu. Ini akan meningkatkan ekonomi penterjemahan. Dalam masa yang sama, akan ada pemindahan pengetahuan dalam bidang penterjemahan. Hal ini penting supaya semua

kajian kita dirujuk termasuk karya universiti-universiti tempatan”<sup>1</sup>. Melalui penterjemahan sesuatu karya, selain dapat menjana ekonomi, pengimportan dan pengeksportan dalam sesuatu bidang ilmu juga akan berlaku. Selain dapat merujuk hasil-hasil kajian daripada negara Malaysia, masyarakat dari negara lain juga akan dapat memahami budaya masyarakat Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Terjemahan yang baik dapat meningkatkan jualan buku namun sekiranya mutu terjemahan buku tidak baik, maka buku itu juga sudah pasti tidak laris di pasaran (Abdullah Hassan, 2009).

Usaha pihak Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) menterjemahkan karya penulis Malaysia ke bahasa lain di seluruh dunia dan mempromosikan karya tersebut pada peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa bidang penterjemahan merupakan salah satu bidang yang amat penting bagi negara. Pada tahun 2008, ITBM melalui pembiayaan dana daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah menjalankan projek penterjemahan dan penerbitan secara berperingkat-peringkat bagi 100 karya sastera Malaysia ke dalam pelbagai bahasa antarabangsa dalam masa tiga tahun (Mohd Khair Ngadiron, 2009). Sejak tahun 2008, ITBM dilihat semakin aktif menterjemahkan karya-karya penulis Malaysia ke bahasa antarabangsa seperti bahasa Jepun<sup>2</sup>. Bagi memasarkan buku-buku Malaysia di Jepun misalnya, ITBM telah bertindak secara proaktif dengan menjalinkan kerjasama dengan Japan Malaysia Association (JMA) dan rangkaian kedai buku terkenal di Jepun, iaitu Kinokuniya<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Dipetik daripada laman web Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/index.php/my/arkib/pemberitahuan/2018/4577-kenyataan-media-buku-buku-malaysia-diterjemah-terokai-pasaran-jepun>)

<sup>2</sup> Dipetik daripada laman web akhbar Utusan Malaysia Online ([https://ww1.utusan.com.my/Sastera/20140713/sa\\_02/Usaha-ITBM-memartabat-industri-buku-tempatan](https://ww1.utusan.com.my/Sastera/20140713/sa_02/Usaha-ITBM-memartabat-industri-buku-tempatan))

<sup>3</sup> Ibid.<sup>1</sup>

Jalinan kerjasama ini menggiatkan aktiviti penterjemahan buku-buku Melayu ke dalam bahasa Jepun dan memudahkan penerbit-penerbit daripada Malaysia memasarkan buku-buku serta meneroka pasaran buku Jepun. Antara karya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun ialah komik *Kampung Boy, Town Boy* oleh Dato Lat dan buku bergambar puisi kanak-kanak, iaitu *Bijak Si Katak Bijak*, yang merupakan karya Sasterawan Negara Dr Siti Zainon Ismail.

### **1.3 Penyataan masalah**

Bahasa dan budaya amat berkait rapat dan saling berhubungan antara satu sama lain serta tidak dapat dipisahkan. Dalam proses penterjemahan, sesebuah medium teks tidak dapat dipisahkan daripada budaya bahasa sumber dalam interaksi dengan bahasa Sasaran tertentu (Goh Ying Soon & Azman Che Mat, 2009). Bahasa di dunia juga mempunyai kepelbagaiian budaya yang berbeza-beza, unik dan mempunyai keistimewaan tersendiri serta boleh mendatangkan masalah kepada penterjemah.

Unsur budaya seringkali menjadi isu, halangan dan cabaran kepada penterjemah dalam menterjemah terutama bagi karya-karya yang sarat dengan perkataan berunsurkan budaya kerana penterjemah memerlukan pengetahuan dan latar belakang budaya sumber (Sebotsa, 2016). Hal ini demikian kerana jurang perbezaan antara dua bahasa menyebabkan proses penterjemahan menjadi sukar apabila budaya menjadi fokus dalam proses penterjemahan (Newmark, 1988; Axiela, 1996; Triveni, 2002; Harvey, 2003; Guerra, 2012).

Tinjauan pengkaji mendapati bahawa isu kesukaran menterjemah unsur budaya memberikan cabaran kepada penterjemah dalam pelbagai medium teks. Antaranya, kekangan ini dapat dilihat dalam teks buku pengurusan (Normalis Amzah, 2008), teks novel (Jehwae, 2019; Madani, 2018; Noraziah, 2014), teks pelancongan

(Angela Turzynski-Azimi, 2020; Ummu Salmah Rahamatullah, 2009), label pakaian (Nur Hafeza Ahmad, 2009), cerpen (Cho Min Sung, 2016), sastera kanak-kanak (Abed & Dastjerdi, 2018) dan puisi (Kyoko Funada, 2016; Victor Pogadaev, 2016; Yousefi, 2017). Kajian sarjana ini mendapati bahawa penterjemah didapati tidak mampu menterjemahkan unsur budaya di dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran sebagaimana konsep asal dalam bahasa sumber. Misalnya, dalam penterjemahan BM ke BJ (Kyoko Funada, 2016) dan BM ke bahasa Rusia (Victor Pogadaev, 2016), penterjemah menghadapi kesukaran mencari padanan tepat bagi perkataan berunsurkan budaya seperti perkataan-perkataan berkenaan budaya kampung dan makanan orang Melayu, contohnya nasi goreng dan ketupat.

Di samping itu, cara terbaik untuk memperkenalkan budaya, kepercayaan, pemikiran, ideologi dan tradisi adalah melalui kerja penterjemahan karya sastera. Dalam penterjemahan karya sastera khususnya, puisi adalah antara karya yang memberikan kekangan dan cabaran kepada penterjemah (Mohd Bakri, 2019; Azmi Ahmad, 2019; Yousefi, 2017; Kyoko Funada, 2016; Victor Pogadaev, 2016; Pusztai-Varga, 2016). Selain struktur, bentuk dan rima yang perlu dititikberatkan dalam penterjemahan puisi, perkataan berunsurkan budaya dalam puisi juga mendatangkan masalah kepada penterjemah. Hal ini kerana padanan maknanya perlu sehampir boleh dengan teks sumber, dan kajian-kajian sebelum ini seperti kajian Mohd Bakri (2019), Yousefi (2017) dan Pusztai-Varga (2016) menunjukkan bahawa penterjemah cenderung mengambil jalan mudah, dan kurang kreativiti dalam mencari padanan yang sesuai sebagaimana makna teks asal. Ketidakcekapan dan sikap sambil lewa penterjemah amat merugikan kerana penterjemahan puisi memerlukan kreativiti yang tinggi (Pusztai-Varga, 2016), dan pemilihan perkataan dalam penterjemahan puisi juga tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya (Mohd Bakri, 2019) kerana perkataan

yang dipilih juga boleh mengundang pemahaman yang salah atau negatif kepada pembaca teks sasaran sekiranya hal ini tidak ditangani dengan baik.

Selanjutnya, sorotan literatur juga menunjukkan bahawa penterjemah cenderung mengaplikasikan prosedur peminjaman dan terjemahan literal dalam menterjemah perkataan berunsurkan budaya (Idris Mansor, 2012/2015; Nor Eliza et al., 2015; Gao Jiao, 2016; Arnida et al., 2017). Walau bagaimanapun, kajian Idris Mansor, (2012/2015), Nor Eliza et al. (2015), Gao Jiao (2016) dan Arnida et al. (2017) telah meneliti penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam medium teks yang tidak mengandungi elemen visual. Oleh itu, kajian berkenaan penterjemahan perkataan berunsurkan budaya masih relevan dijalankan bagi mengetahui prosedur lain yang boleh dimanfaatkan oleh penterjemah dalam melakukan penterjemahan, khususnya kajian penterjemahan perkataan berunsurkan budaya melibatkan medium teks yang mengandungi elemen visual seperti teks buku bergambar.

Dalam penterjemahan buku bergambar, hubungan elemen verbal dengan visual tidak boleh diabaikan dan perlu diberikan perhatian (Oittinen, 2003/ 2008; Pereira 2008). Hal ini kerana buku bergambar ialah buku yang berisi teks (verbal) dan dilengkapi dengan ilustrasi bergambar (visual) sebagai pelengkap kepada cerita dalam teks tersebut. Oleh yang demikian, hubungan antara kedua-dua elemen verbal dan visual ini tidak boleh dipisahkan semasa meneliti penterjemahan buku bergambar. Kajian hubungan elemen visual dengan verbal dalam teks buku bergambar (Oittinen, 2003/ 2008; Pereira, 2018), teks teknikal (Ketola, 2018) dan audiovisual (Tamminen, 2014; Kataja, 2016) menunjukkan kesukaran penterjemah mengendalikan kedua-dua elemen ini dalam penterjemahan. Malahan, kajian para sarjana terdahulu seperti Oittinen (2003/ 2008), Pereira (2018), Ketola (2018) dan Tamminen, (2014) hanya memberikan tumpuan kepada perhubungan antara elemen verbal dengan visual dalam

mempengaruhi penterjemah menangani masalah tanpa mengaitkan penterjemahan perkataan berunsurkan budaya kecuali Kataja (2016). Namun begitu, kajian Kataja (2016) adalah dalam bidang AVT dan sudah tentu dapatan kajian akan berbeza sekiranya diaplikasikan dalam medium teks lain, misalnya dengan meneliti hubungan elemen verbal dengan visual dalam penterjemahan berunsurkan budaya dalam teks buku bergambar.

Seterusnya, sorotan literatur juga menunjukkan bahawa kajian penterjemahan yang melibatkan penterjemahan BM ke BJ atau sebaliknya, seperti kajian Chow Yean Fun (2019), Chow Yean Fun et al. (2019), Zeety Kartini et al. (2020) dan Sarinah Sharif & Saliza Ismail (2021) sebelum ini lebih tertumpu kepada teks komik sebagai bahan kajian. Walaupun komik dijadikan bahan kajian dalam menganalisis penterjemahan perkataan berunsurkan budaya seperti kajian yang dilakukan oleh Zeety Kartini et al. (2020) dan Sarinah Sharif & Saliza Ismail (2021), Zeety Kartini et al. (2020) dan Sarinah Sharif & Saliza Ismail (2021), namun kajian tersebut hanya membincangkan berkenaan proses penterjemahan tanpa memperincikan hubungan elemen visual dengan verbal dalam mempengaruhi cara penterjemah menterjemah perkataan berunsurkan budaya dalam teks yang melibatkan bahasa Melayu dengan bahasa Jepun.

Berdasarkan sorotan literatur, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dijalankan oleh para sarjana sebelum ini menunjukkan betapa sukarnya menterjemahkan unsur budaya dalam pelbagai medium teks dan salah satu medium melibatkan teks puisi. Selain itu, kajian berkenaan penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar khususnya puisi juga belum diterokai sepenuhnya. Penterjemahan perkataan berunsurkan budaya juga memberikan kekangan kepada penterjemah dan cabaran kepada penterjemah untuk mencari

padanan yang hampir, malahan kekangan bertambah dengan elemen visual yang hadir sekali dalam buku bergambar.

Oleh yang demikian, berdasarkan pendapat sarjana dan permasalahan yang diutarakan di atas, pengkaji memilih untuk mengkaji dan menganalisis perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak bagi memenuhi kelompongan tersebut. Kajian ini juga akan mengenal pasti cara penterjemah menangani masalah perbezaan budaya, khususnya penterjemahan perkataan berunsurkan budaya. Akhir sekali, pengkaji akan meneliti bentuk hubungan elemen verbal dengan visual dalam mempengaruhi cara penterjemah menangani masalah penterjemahan perkataan berunsurkan budaya. Selain itu, aktiviti terjemahan genre sebegini juga penting untuk menambahkan lagi koleksi bacaan untuk kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini menjadi penggalak kepada aktiviti terjemahan buku-buku bergambar bergenrekan puisi kanak-kanak ataupun buku bergambar tentang cerita rakyat daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Jepun atau sebaliknya. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan akan memberikan perspektif yang berbeza dalam penterjemahan unsur budaya dengan memfokuskan kepada penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar bergenrekan puisi kanak-kanak.

#### **1.4 Objektif kajian**

Kajian ini akan memfokuskan kepada objektif berikut:

- I. Menyenaraikan dan mengklasifikasikan perkataan berunsurkan budaya yang terdapat dalam teks sumber buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* ke dalam bahasa Jepun.

- II. Mengenal pasti cara penterjemah menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* ke dalam bahasa Jepun.
- III. Meneliti hubungan elemen verbal dengan visual dalam mempengaruhi cara penterjemah menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* ke dalam bahasa Jepun.

### **1.5 Persoalan kajian**

Berikut ialah persoalan kajian bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan:

- I. Apakah jenis dan klasifikasi perkataan berunsurkan budaya yang terdapat dalam terjemahan buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* ke dalam bahasa Jepun?
- II. Apakah prosedur penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* ke dalam bahasa Jepun?
- III. Bagaimanakah hubungan elemen verbal (perkataan berunsurkan budaya) dengan visual (ilustrasi bergambar) mempengaruhi cara penterjemah menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* ke dalam bahasa Jepun?

## **1.6 Kerangka teori**

Kajian ini akan memanfaatkan definisi dan klasifikasi perkataan berunsurkan budaya oleh Pavlović-Poslek (2003) dalam menyenaraikan dan mengklasifikasikan perkataan berunsurkan budaya, menganalisis padanan dan hasil terjemahannya dalam teks sasaran. Prosedur penterjemahan yang diutarakan oleh Angela Turzynski-Azimi (2020) pula digunakan bagi mengenal pasti cara penterjemah menangani terjemahan perkataan berunsurkan budaya ke dalam teks sasaran. Selanjutnya, pendekatan hubungan visual dengan verbal oleh Oittinen (2008) diaplikasikan untuk meneliti hubungan visual dengan verbal teks dalam kajian ini untuk menghuraikan cara penterjemah mengendalikan penterjemahan perkataan berunsurkan budaya. Kesemua kerangka teori dinyatakan ini akan dihuraikan secara lebih terperinci di bab 3.

## **1.7 Metodologi kajian**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan dimanfaatkan untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu untuk mengenal pasti (1) jenis dan klasifikasi perkataan berunsurkan budaya, (2) cara penterjemah menangani perkataan berunsurkan budaya dan (3) bentuk hubungan visual dengan teks yang mempengaruhi cara penterjemah menangani penterjemahan dalam buku bergambar bergenrekan puisi kanak-kanak. Metodologi kajian akan diberikan huraian secara lebih terperinci dalam bab 3.

## **1.8 Batasan kajian**

Kajian ini hanya mengkaji penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam teks terjemahan buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* berbahasa Melayu dalam ejaan rumi yang telah diterjemahkan ke bahasa Jepun mengikut sistem tulisan bahasa Jepun. Oleh itu, skop kajian ini hanya menumpukan kepada perkataan berunsurkan budaya dalam teks sumber, iaitu teks bahasa Melayu yang telah diterjemahkan ke dalam teks sasaran, iaitu teks bahasa Jepun.

Data kajian ini juga terhad kepada perkataan berunsurkan budaya yang diambil dan dipilih daripada buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* dan terjemahannya ke dalam bahasa Jepun. Oleh sebab skop kajian ini melibatkan perkataan berunsurkan budaya, maka teks BM yang mengandungi elemen tulisan jawi, elemen puisi seperti bentuk, bunyi, ton, imej dan kandungan tidak akan dianalisis oleh pengkaji dalam kajian ini. Hal ini bertujuan supaya kajian ini lebih berfokus dan elemen-elemen ini akan merumitkan analisis kerana melibatkan terlalu banyak aspek yang tidak relevan dengan kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga akan dibataskan mengikut skop objektif kajian dan persoalan kajian yang dinyatakan di bahagian 1.4 dan 1.5. Kajian ini hanya mengkaji dan menganalisis penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak *Bijak Si Katak Bijak* yang diterjemahkan ke dalam BJ, prosedur penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menangani terjemahan dan mencari padanan yang bersesuaian untuk perkataan berunsurkan budaya yang terdapat dalam teks ini dan perhubungan visual (ilustrasi bergambar) dengan teks (perkataan berunsurkan budaya) dan cara penterjemah menangani terjemahan teks buku puisi kanak-kanak bergambar ini.


## **1.9 Kepentingan kajian**

Pengkaji membahagikan kepentingan kajian ini kepada dua peringkat, iaitu peringkat mikro dan makro seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Pada peringkat mikro, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar bahasa Jepun amnya dan khususnya pelajar-pelajar bidang terjemahan dan interpretasi yang meminati terjemahan dari BM ke BJ atau sebaliknya. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelajar yang mempelajari bahasa Jepun di Sekolah-sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ataupun Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) KPM yang seringkali menerima tetamu dari Jepun dan juga kepada pelajar yang terlibat dengan program pertukaran pelajar ke Jepun setiap tahun. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai sumber maklumat tentang perbezaan budaya yang wujud antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun dan membantu mereka apabila perlu menterjemahkan bahasa dan budaya Melayu dan memberikan penerangan kepada masyarakat Jepun.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada guru-guru bahasa antarabangsa KPM, khasnya guru bahasa Jepun bagi menambahkan lagi pengetahuan tentang penterjemahan pasangan BM – BJ. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar untuk mempelajari cara terbaik menterjemah perkataan-perkataan yang merujuk kepada budaya yang melibatkan pasangan bahasa BM -BJ atau sebaliknya. Pelajar bidang penterjemahan di universiti, misalnya pelajar BATI, USM juga dapat memanfaatkan kajian ini sebagai rujukan kepada penterjemahan perkataan berunsurkan budaya dalam buku bergambar puisi kanak-kanak. Selanjutnya, isu, masalah dan kekangan yang dikenal pasti oleh pengkaji dapat digunakan oleh penterjemah sebagai panduan dalam menterjemah dalam genre yang sama. Sebagai bahan koleksi kajian di universiti pula, tenaga pengajar di universiti

awam dan swasta juga dapat menggunakan kajian ini sebagai maklumat tambahan dalam melatih para pelajar dalam bidang penterjemahan. Malahan, penterjemah bebas juga boleh menjadikan kajian ini sebagai salah satu panduan tambahan dalam melaksanakan kerja-kerja penterjemahan.

Pada peringkat makro pula, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada syarikat penerbitan buku, institusi terjemahan dan persatuan. Contohnya, syarikat penerbitan buku boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan semasa melakukan proses penyuntingan melibatkan penterjemahan pasangan bahasa yang terlibat. Selain itu, penerbit buku juga boleh memanfaatkan dapatan kajian ini bagi menghasilkan terjemahan buku bergambar kanak-kanak yang lebih berkualiti. Institusi terjemahan dan persatuan penterjemah boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai bahan pengajaran dalam melatih penterjemah yang berkelayakan dan kompeten. Selain menambahkan koleksi kajian di peringkat universiti, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada kesinambungan penyelidikan dalam bidang penterjemahan terutamanya penterjemahan unsur budaya yang melibatkan buku kanak-kanak.



Rajah 1.1 Ringkasan kepentingan kajian

## **1.10 Definisi konsep**

Huraian definisi konsep utama yang mendasari kajian ini adalah seperti berikut:

### **1.10.1 Penterjemahan**

Penterjemahan ialah proses penggantian teks asal (teks sumber) kepada teks lain (teks sasaran) dan proses ini perlu dapat menyampaikan segala mesej dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dan dengan sedaya mungkin dapat mengekalkan segala mesej bahasa sumber dengan tepat, mengikut ciri-ciri kebudayaan yang ada di dalamnya, mengikut gaya penulis asal dan ciri-ciri idiosinkratiknya yang istimewa yang mungkin wujud di dalamnya (House, 2013; Hasuria Che Omar, 2013). Proses ini juga menurut Hasuria Che Omar (2013) memerlukan penterjemah mencari jalan supaya antara teks sumber dengan teks sasaran wujud hubungan kepadanan atau kesamaan yang memadai, sesuai dengan hasrat terjemahan yang dilakukan.

### **1.10.2 Perkataan berunsurkan budaya**

Perkataan berunsurkan budaya ialah perkataan yang mempunyai konotasi budaya dalam masyarakat tertentu, memberi gambaran tentang cara hidup, aktiviti dan adat resam sesebuah masyarakat tersebut serta berbeza dengan masyarakat di tempat yang lain (Newmark, 1988; Axiela, 1996; Triveni, 2002; Goh Sang Seong, 2012; Guerra, 2012; Cho Min Sung, 2016). Dalam kajian ini, perkataan berunsurkan budaya merujuk kepada perkataan berunsurkan budaya dalam budaya sumber yang mungkin mengandungi komponen dan peristiwa yang tidak wujud dalam budaya sasaran, perkataan berunsurkan budaya dalam budaya sumber yang berbeza dalam budaya sasaran dan perkataan berunsurkan budaya dalam budaya sumber yang tiada padanan setara dalam budaya sasaran (Pavlović-Poslek, 2003).

### **1.10.3 Prosedur penterjemahan**

Prosedur penterjemahan ialah prosedur yang digunakan untuk menterjemah ayat atau unit bahasa yang lebih kecil seperti klausa dan perkataan (Newmark, 1988). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya yang dicadangkan oleh Angela Turzynski-Azimi (2020) bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Sebanyak enam (6) prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya dikemukakan oleh Angela Turzynski-Azimi (2020), iaitu prosedur peminjaman bukan leksikal, prosedur peminjaman leksikal, prosedur terjemahan literal, prosedur penerangan, prosedur penggantian dan prosedur pengguguran.

### **1.10.4 Buku Bergambar**

Buku bergambar adalah ikonoteks (*iconotexts*), dengan interaksi antara dua sistem semiotik, iaitu verbal dan visual serta mempunyai bahasa yang tersendiri (Oittinen, 2008). Oleh yang demikian, perkataan-perkataan (verbal) dan ilustrasi bergambar (visual) dalam buku bergambar saling berkait dan melengkapi antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini, buku bergambar ialah buku yang mengandungi elemen verbal (teks) dan visual (ilustrasi bergambar) sebagai pelengkap kepada penceritaan dalam teks, iaitu merujuk kepada buku bergambar bertajuk *Bijak Si Katak Bijak* dan terjemahannya *Kashikoi Kaeru Kun* yang digunakan sebagai data kajian.

### **1.10.5 Puisi**

Pendita Za'ba memberikan definisi puisi sebagai kata-kata khas yang digunakan untuk mengukirkan maklumat dalam fikiran dengan menggunakan bahasa yang indah dan mempunyai sifat konkret dan abstrak (Bimbingan Berkarya - Puisi

Moden, 2017). Guillain (2015) pula memberikan takrifan puisi sebagai sebuah bentuk teks penulisan yang dikarang dengan cara tertentu, dan puisi boleh dikenali melalui ciri-ciri khas seperti bentuk, bunyi dan sebagainya. Manakala, Atikah Zabir & Haslina Haroon (2020) menyatakan puisi dalam sastera kanak-kanak bermaksud sejenis penulisan yang tidak sama dengan bentuk prosa, seperti sajak, syair dan pantun. Dalam kajian ini, puisi ialah susunan perkataan berbentuk bahasa indah yang terkandung dalam data kajian, iaitu buku puisi bergambar *Bijak Si Katak Bijak* hasil karya Sasterawan Negara, Siti Zainon binti Ismail.

#### **1.10.6 Kanak-kanak**

Konvesyen Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Asasi Kanak-Kanak telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai individu yang berada di bawah umur 18 tahun ke bawah. Hal ini telah diratifikasi oleh 192 daripada 194 negara anggota PBB<sup>4</sup>. Justeru itu, definisi ini akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kanak-kanak dalam kajian ini juga merujuk kepada pembaca teks sasaran, iaitu teks terjemahan buku puisi bergambar *Bijak Si Katak Bijak* hasil karya Sasterawan Negara, Siti Zainon binti Ismail ke dalam bahasa Jepun.

#### **1.10.7 Verbal**

Verbal merujuk kepada sesuatu yang berkaitan perkataan atau bahasa (Merriam-Webster, 2021). Menurut Hasuria Che Omar (2013) pula, verbal ialah kata-kata yang digunakan untuk berkomunikasi dalam bentuk monolog, dialog dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, verbal merujuk kepada teks, iaitu perkataan

---

<sup>4</sup>Dipetik daripada laman [http://www.hakani.org/en/convention/Convention\\_Rights\\_Child.pdf](http://www.hakani.org/en/convention/Convention_Rights_Child.pdf)

berunsurkan budaya yang terkandung dalam buku puisi bergambar yang dikaji oleh pengkaji.

#### **1.10.8 Visual**

Visual ialah sesuatu bentuk yang hadir seperti dalam bentuk grafik yang digunakan untuk memberikan kesan dan menarik perhatian atau ilustrasi (Merriam-Webster, 2021). Oittinen (2003) pula memberikan takrifan visual sebagai imej atau elemen-elemen lain termasuk persembahan visual dalam sesuatu buku bergambar. Walau bagaimanapun, visual dalam kajian ini merujuk kepada ilustrasi bergambar yang dilukiskan oleh ilustrator dan dimuatkan ke dalam buku puisi bergambar yang dikaji oleh pengkaji.

#### **1.10.9 Bahasa asing**

Bahasa asing ialah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi, yang terhasil daripada sesuatu bangsa yang berbeza budaya, agama, lokasi dan konteks penutur asli. (Wan Zarina et al., 2007). Dalam hal ini, bahasa asing di Malaysia ialah bahasa lain selain bahasa Melayu yang dipertuturkan dan diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Antaranya, bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Perancis, bahasa Arab, bahasa Inggeris dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, bahasa asing merujuk kepada bahasa yang digunakan oleh penterjemah untuk menghasilkan teks sasaran, iaitu bahasa Jepun.

### **1.11 Organisasi kajian**

Kajian ini diuraikan dalam tujuh bab seperti berikut:

**Bab 1** – Bab ini merupakan huraian tentang latar belakang, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, dan definisi konsep beberapa konsep asas yang mendasari kajian ini.

**Bab 2** – Bab ini membincangkan hasil penelitian dan tinjauan pengkaji, pembacaan melalui jurnal, artikel dan kajian-kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dipilih.

**Bab 3** – Bab ini pula menghuraikan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini.

**Bab 4** – Bab ini memaparkan data yang dikutip dan dianalisis serta memerihalkan hasil dapatan daripada penyenaraian dan pengklasifikasian perkataan berunsurkan budaya yang diekstrak daripada teks sumber bagi menjawab persoalan kajian pertama.

**Bab 5** – Bab ini memfokuskan kepada dapatan daripada prosedur terjemahan yang dimanfaatkan oleh penterjemah dalam menangani penterjemahan perkataan berunsurkan budaya bagi menjawab persoalan kajian kedua.

**Bab 6** – Bab ini memerihalkan dapatan daripada penelitian yang dibuat oleh pengkaji berkenaan hubungan verbal dengan visual berdasarkan pendekatan yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ketiga.

**Bab 7** – Bab ini merumuskan dapatan kajian, menilai kerangka teori, menghuraikan kepentingan dan implikasi kajian serta mencadangkan kajian lanjutan sebagai kesinambungan kepada kajian ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KEPUSTAKAAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan meneliti beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Pada bahagian pertama bab ini, beberapa kajian terdahulu tentang perkataan berunsurkan budaya, klasifikasi perkataan berunsurkan budaya dan prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya akan dibincangkan. Isu-isu penterjemahan unsur budaya dalam pelbagai medium teks akan dibincangkan pada bahagian kedua. Penterjemahan unsur budaya dalam pelbagai medium teks, karya sastera dan penterjemahan puisi dibincangkan pada bahagian ketiga. Seterusnya, hubungan elemen verbal dengan elemen bukan verbal dalam terjemahan akan dibincangkan pada bahagian keempat. Penterjemahan pasangan BJ – BM dan sebaliknya serta rumusan tentang sorotan kepustakaan akan dibincangkan pada bahagian akhir.

#### **2.2 Perkataan berunsurkan budaya**

Definisi perkataan berunsurkan budaya, pengklasifikasian perkataan berunsurkan budaya dan prosedur terjemahan perkataan berunsurkan budaya akan diperincikan pada bahagian ini.

##### **2.2.1 Definisi perkataan berunsurkan budaya**

Unsur budaya selalu menjadi halangan dan cabaran kepada penterjemah dalam menterjemah karya-karya yang sarat dengan perkataan berunsurkan budaya (Cho Min Sung, 2016; Cho Min Sung & Puteri Roslina, 2016; Jehwae, 2019). Hal ini turut diakui oleh Sebotsa (2016) dalam artikelnya, yang menyatakan bahawa perkataan berunsurkan budaya adalah yang paling sukar untuk diterjemah kerana bergantung kepada tahap

keupayaan pengetahuan penterjemah dituntut dan penterjemah perlu mempunyai latar belakang yang mendalam berkenaan sesuatu budaya sumber tersebut. Oleh itu, berdasarkan kesukaran ini, terdapat ramai sarjana menfokuskan perkataan berunsurkan budaya ini sebagai kajian mereka. Kajian-kajian yang dilakukan turut melibatkan pelbagai teks sama ada dari novel atau sari kata filem dan membincangkan hasil-hasil dapatan mereka dibincangkan dalam disertasi, jurnal atau artikel yang diterbitkan.

Axiela (1996) yang mengkaji secara khusus item khusus budaya, mendefinisikannya sebagai “*those textually actualized items whose function and intertextual load in a source text cause translation problem due to either the non-existence of the referred item in the target system or to its different intertextual and culture implication*”. Takrifan ini menjelaskan bahawa perkataan-perkataan yang mempunyai makna budaya akan mendatangkan masalah dalam penterjemahan kerana perkataan yang merujuk kepada sesuatu budaya itu asing dalam budaya sasaran dan akan menyebabkan pembaca sasaran tidak memahami perkataan tersebut serta boleh memberi implikasi yang berbeza. Sementara itu, Goh Sang Seong (2012) menterjemahkan “*Culture Specific Items*” oleh Axiela (1996) ini sebagai ‘kata khusus budaya’ ke dalam BM.

Manakala, Cho Min Sung (2016) pula menamakan istilah tersebut sebagai ‘Istilah Spesifik Budaya’. Selain Axiela (1996), terdapat ramai lagi sarjana yang mengkaji berkenaan perkataan berunsurkan budaya dan menamakan dengan pelbagai istilah tertentu, antaranya ialah *Cultural Words* (Newmark, 1988), *Culture Reference* (Mailhac, 1996), *Culture Elements* (Triveni, 2002), *Culture-Specific Terms* (Pavlovic & Poslek, 2003), *Cultureemes* (Refsing & Lundquist, 2009), *Culturally-bound Lexical Elements* (Puszta-Varga, 2016) dan *Culture Specific Concepts* (Baker, 1992, 2012 & 2018).

Walaupun istilah berbeza-beza digunakan oleh para sarjana ini, kesemuanya merujuk kepada masalah sama dihadapi oleh penterjemah apabila berhadapan dengan perkataan berunsurkan budaya, yang boleh menimbulkan konflik dalam proses menterjemah dan merupakan tugas yang berat buat penterjemah (Axiela, 1996). Newmark (1988) menyatakan perkataan berunsurkan budaya ini sangat mudah dikesan, dan menyifatkan perkataan berunsurkan budaya ini sebagai “*they are associated with particular language and cannot be literally translated*”. Sehubungan itu, perkataan ini tidak boleh diterjemah secara literal kerana perkataan berunsurkan budaya ini terkait dengan konsep tertentu dalam bahasa dan budaya tertentu. Pemahaman yang jelas akan konsep yang didukung oleh perkataan berunsurkan budaya ini memudahkan penterjemah untuk melakukan penterjemahan.

Refsing & Lundquist (2009) dalam bukunya *Translating Japanese Text* pula menghadkan definisi perkataan berunsurkan budaya ini kepada “*word and compounds that are names of cultural events like festivals*” dengan menakrifkan sebagai ‘culturemes’. Walaupun definisi yang dikemukakan oleh Refsing & Lundquist (2009) ini terhad kepada acara-acara kebudayaan seperti hari perayaan dan festival sahaja, Refsing & Lundquist (2009) turut menyatakan bahawa “*these can be difficult to translate, as there are rarely any established translations for them but rather competing ones offered by different translators and different dictionaries*”. Maka, takrifan Refsing & Lundquist (2009) menjelaskan bahawa perkataan berunsurkan budaya ini merupakan perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa tertentu yang mempunyai makna budaya di sebaliknya yang memerlukan pemahaman secara mendalam oleh penterjemah. Perkataan ini walaupun kelihatan seperti kata umum, dan boleh dirujuk pada kamus tetapi perkataan ini sukar diterjemahkan dan hasil terjemahan juga akan berbeza-beza berdasarkan penterjemah dan penggunaan kamus yang berbeza. Justeru itu, kreativiti

penterjemah dan pemahaman budaya bahasa sumber serta budaya sasaran oleh penterjemah dikehendaki bagi mengatasi masalah ini.

Mailhac (1996) pula yang menggunakan istilah ‘*cultural reference*’ telah menakrifkan sebagai “*any reference to cultural entity which, because of its distance from the target culture, is characterized by a sufficient degree of opacity from the point of view of the target reader to constitute a translation problem, in other words, as is normally the case in such discussions, transparent cultural references will be ignored*”.

Jelaslah bahawa perkataan berunsurkan budaya akan mendatangkan masalah dalam penterjemahan kerana perkataan yang merujuk kepada sesuatu budaya itu asing dalam budaya sasaran dan akan menyebabkan pembaca sasaran tidak memahami perkataan tersebut.

Cordero dalam Leppihalme (1997) pula menyatakan bahawa “*even where two cultures involved are not too distant, can be more problematic for the translator than semantic or syntactic difficulties of a text*”. Hal ini demikian kerana walaupun kedua-kedua budaya yang terlibat tidak begitu ketara perbezaanya, perkataan berunsurkan budaya mungkin memberikan lebih masalah kepada penterjemah jika dibandingkan dengan kesukaran semantik atau tatabahasa teks itu. Oleh itu, perkataan berunsurkan budaya dalam bahasa sumber ini boleh memberikan maksud yang tidak difahami dalam budaya sasaran sekiranya tidak dikendalikan dengan baik. Sehubungan itu, kesilapan daripada pihak penterjemah akan memberikan impak negatif kepada hasil terjemahan kerana perkataan-perkataan ini akan menjadi terlalu asing, serta jauh terpesong daripada pemahaman pembaca teks sasaran, dan boleh menjadi sangat asing dalam budaya sasaran.

Selain itu, konsep perkataan berunsurkan budaya juga boleh menjadi terlalu abstrak atau konkret dan meliputi pelbagai aspek dari segi kepercayaan, makanan dan

sebagainya. Hal ini yang dijelaskan oleh Baker (2018) yang merujuk perkataan berunsurkan budaya sebagai “*the source-language word may express a concept which is totally unknown in the target culture. The concept in question may be abstract or concrete: it may relate to a religious belief, a social custom or even a type of food*”.

Pusztai-Varga (2016) yang mengkaji perkataan berunsurkan budaya dalam puisi pula telah merumuskannya sebagai “*lexical elements which evoke the connotative and affective meanings connected to them by the given culture or subculture regardless of both text and translation context*”. Contoh mudah berdasarkan takrifan Pusztai-Varga (2016) ialah perkataan ‘babi’ dalam budaya masyarakat Melayu yang mempunyai makna jijik dan kotor selain mempunyai makna asal yang merujuk kepada sejenis binatang. Perkataan ‘babi’ ini mungkin tidak bermaksud jijik dan kotor bagi masyarakat dalam budaya lain. Takrifan perkataan berunsurkan budaya oleh Pusztai-Varga (2016) ini terhasil setelah beliau meneliti hampir 728 perkataan berunsurkan budaya dalam 160 puisi yang sama, dalam terjemahan bahasa dari Finland ke bahasa Hungari dan dari bahasa Finland ke bahasa Inggeris.

Walaupun Pusztai-Varga (2016) mengemukakan satu definisi yang menarik berkenaan perkataan berunsurkan budaya, pengkaji memilih untuk menggunakan istilah perkataan berunsurkan budaya (PBB) yang diutarakan oleh Pavlović-Poslek (2003) dalam kajian ini. Menurut Pavlović-Poslek (2003), istilah perkataan berunsurkan budaya merujuk kepada keadaan apabila istilah perkataan berunsurkan budaya merujuk kepada keadaan apabila “sebarang perkataan berunsurkan budaya dalam budaya sumber mengandungi beberapa unsur atau fenomenon yang tidak wujud dalam budaya sasaran, dan tidak mempunyai maklumat yang mencukupi serta setara dengan maksudnya dalam budaya sasaran” (Pavlović-Poslek, 2003).

Berdasarkan definisi Pavlović-Poslek (2003), pengkaji dapat mengenal pasti dengan jelas perkataan berunsurkan budaya berdasarkan beberapa kriteria, iaitu: (1) perkataan dalam budaya sumber mengandungi komponen dan peristiwa yang tidak wujud dalam budaya sasaran, (2) perkataan dalam budaya sumber berbeza dalam budaya sasaran, dan (3) perkataan dalam budaya sumber tiada padanan yang setara dalam budaya sasaran. Oleh demikian, definisi Pavlović-Poslek (2003) yang lebih jelas dapat membantu pengkaji mengenal pasti perkataan berunsurkan budaya dan definisi ini akan dijadikan definisi kerja bagi senarai data dalam kajian pengkaji.

Akhirnya, walaupun definisi yang berbeza-beza diberikan oleh pelbagai sarjana di seluruh dunia berkenaan dengan perkataan berunsurkan budaya ini, semua takrifan ni sebenarnya merujuk kepada perkataan yang berkaitan dengan budaya dalam masyarakat tertentu, memberi gambaran tentang cara hidup, aktiviti dan adat resam sesebuah masyarakat tersebut, serta berbeza dalam kalangan masyarakat di tempat yang lain. Para penyelidik juga membincangkan masalah yang sama yang dihadapi oleh para penterjemah, iaitu kesukaran yang dialami oleh mereka apabila berhadapan dengan perkataan yang merujuk kepada sesuatu budaya dan mempunyai makna budaya yang tertentu dalam sesuatu masyarakat atau bangsa. Perkataan berunsurkan budaya tidak dapat diterjemahkan secara sewenang-wenangnya kerana kesilapan menterjemah akan menyebabkan berlakunya salah faham kepada pembaca. Sarjana-sarjana ini juga sedar akan betapa pentingnya supaya penterjemah memberikan perhatian yang lebih tentang perkataan ini dan kerja menterjemah perkataan ini memerlukan pendekatan yang berbeza. Oleh itu, usaha mengkategorikan perkataan yang mempunyai unsur budaya dan bermasalah kepada penterjemah ini, dan seterusnya mencari strategi atau pendekatan yang bersesuaian, akan dapat membantu para penterjemah mencari penyelesaian kepada masalah ini.

## **2.2.2 Pengklasifikasian perkataan berunsurkan budaya**

Klasifikasi perkataan berunsurkan budaya telah dikemukakan oleh ramai sarjana dan beberapa kajian telah dilakukan (Newmark, 1988; Axiela 1996; Leppihalme, 1997; Triveni, 2002; Pavlović-Poslek, 2003; Pusztai-Varga, 2016; Haslina Haroon, 2019). Leppihalme (1997), menyifatkan PBB sebagai sebahagian daripada fenomenon sosial dengan mengklasifikasikannya kepada dua (2) klasifikasi utama, iaitu (1) fenomenon ekstralinguistik dan (2) fenomenon intralinguistik. Menurut Leppihalme (1997), fenomenon ekstralinguistik merujuk alam semula jadi seperti topografi, flora dan fauna dan binaan manusia seperti institusi, bangunan dan tanda dagangan. Sebaliknya, fenomena intralinguistik pula merujuk maksud tersirat dalam peribahasa, simpulan bahasa, mainan kata, panggilan, cara memuji dan memohon maaf dalam budaya tertentu (Leppihalme, 1997). Selain itu, beliau turut menamakan PBB sebagai alusi dalam bukunya '*Culture Bumps*'. Leppihalme (1997) juga mengklasifikasikan alusi kepada dua klasifikasi utama, iaitu (1) alusi kata nama dan (2) alusi frasa. Alusi kata nama merujuk kata nama yang mengandungi alusi, contohnya nama karakter dalam karya '*Shakespeare*' seperti '*Ariel*', '*Horatio*' dan '*Ophelia*', dan nama karakter dalam karya '*Dickens*' seperti '*Gradgrind*', '*Miss Havisham*' dan '*Little Nell*'. Leppihalme (1997) memberikan contoh alusi frasa seperti frasa '*three blind mice, pumpkins at midnight*' dalam lagu kanak-kanak dan buku cerita kanak-kanak.

Berbeza dengan Leppihalme (1997) yang menggunakan istilah fenomenon dan alusi, Axiela (1996) pula mengutarakan klasifikasi PBB yang lebih ringkas, iaitu kata nama dan ungkapan biasa. Axiela (1996) menyifatkan klasifikasi kata nama sebagai kata nama yang tidak mempunyai makna tersendiri tetapi mengandungi makna dari sudut sejarah dan budaya, contohnya bandar '*Seattle*'. Perkataan yang bukan dalam kategori kata nama yang merangkumi objek, institusi, tabiat dan pendapat yang merujuk